

## 2013 tahun mencabar buat New Hoong Fatt

KUALA LUMPUR - New Hoong Fatt Holdings Bhd. (New Hoong Fatt), pembuat alat ganti kereta terkemuka, menamatkan kalendar tahun ini dengan penyertaan di Pameran Perdagangan Automechanika Shanghai, China baru-baru ini.

Pameran itu diadakan di Shanghai New International Expo Centre yang melibatkan sebanyak 4,638 pempamer dari 38 negara.

Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin (**gambar**) berkata, tahun 2013 merupakan tahun mencabar untuk syarikat



lam bidang besi dan plastik serta memasang mesin terbaik untuk mengem-

bagi memenuhi permintaan semasa serta bersedia menghadapi pertumbuhan yang mampan pada masa hadapan.

"Kami akan lebih fokus kepada keupayaan dan kemahiran pembuatan dan pada masa yang sama, bakal memberi penekanan kepada usaha pembangunan bakat yang berkualiti," katanya dalam satu kenyataan yang dibuat baru-baru ini.

Selain itu, pihaknya juga telah melabur untuk meningkatkan keupayaan pengeluarannya dalam bidang besi dan plastik serta memasang mesin terbaik untuk mengem-

bangkan kapasiti pengeluaran.

"New Hoong Fatt telah memanfaatkan pertumbuhan pendapatan melalui pengembangan syarikat di 50 buah negara," ujarnya.

Mengulas mengenai penyertaan syarikat di ekspo berkenaan, Auto Global Parts Industries Sdn. Bhd., anak syarikat New Hoong Fatt telah mempamerkan komponen-komponen kereta yang dihasilkan oleh syarikat tersebut.

"Penglibatan sebanyak empat kali dalam ekspo bertepatan sebelum ini telah berjaya membina hubungan perniagaan yang baik kerana melalui ekspo ini, ia membuka ruang untuk mencari rakan niaga dan meninjau teknologi terkini," ujarnya.